

14 DEC 1997

SIDANG: MAHATHIR JELASKAN PENDAPAT ASEAN MENGENAI MYANMAR

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan pendapatnya dan reaksi pemimpin-pemimpin lain Asean terhadap keadaan politik di Myanmar kepada pemimpin tentera negara itu Than Shwe.

Beliau bagaimanapun memberi jaminan kepada Than Shwe bahawa Asean akan tetap dengan pendirian dasar tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara anggotanya.

Dalam pertemuan itu yang banyak membincangkan mengenai keadaan di Myanmar, Than Shwe mengambil peluang memaklumkan Perdana Menteri mengenai perubahan terkini yang melibatkan kerajaan di Myanmar.

Ketika memberi taklimat kepada pemberita mengenai perbincangan antara Dr Mahathir dan Than Shwe di sini, Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kedua-dua pemimpin itu juga bertukar-tukar pendapat mengenai keadaan di Myanmar.

"Sesetengah perubahan perlu dilakukan dan mereka (kerajaan Myanmar) telah melakukannya.

"Dasar membina Asean diberi tumpuan dalam perbincangan mereka itu," kata Abdullah.

Ketika ditanya mengenai perubahan nama Majlis Pemulihan, Undang-undang dan Ketenteraman Myanmar (SLORC) kepada Majlis Ketenteraman dan Pembangunan Myanmar, Abdullah berkata tiada sebab untuk merasa curiga mengenainya.

"Dari segi pembangunan, mereka telah pun membuat sesuatu sekarang," katanya.

-- BERNAMA

ES NAK